

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Monday, May 27, 2019 10:36 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelajar Cina, India Kacau Bubur Lambuk – Serlah Semangat Muhibbah



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

27 MEI 2019 / 22 RAMADAN 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Siti Fatimah Abdullah

PELAJAR CINA, INDIA KACAU BUBUR LAMBUK – SERLAH SEMANGAT MUHIBBAH



UUM ONLINE: Selain Melayu, pelajar India dan Cina tidak melepaskan peluang mengacau bubur lambuk sekali gus menyerlahkan semangat Muhibbah, di Inasis BSN, UUM, Sintok.

Bukan itu sahaja, mereka turut merasai pengalaman mengedarkan bubur lambuk kepada seluruh warga Inapan Siswa Bank Simpanan Nasional (BSN), Universiti Utara Malaysia (UUM) sempena program Bubur Lambuk Day.

Pelajar Sarjana Muda Perbankan, Tan Mei Ting, 23 berkata, acara ini dapat memberi pengalaman baharu dan mengeratkan hubungan yang terjalin antara pelajar Inasis BSN yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.

“Menariknya, ketika memasak bubur lambuk kita kumpul bersama-sama, memang best masak beramai-ramai dan jarang-jarang dapat peluang macam ni.

“Kami sama-sama sediakan bahan dalam proses memasak bubur lambuk seperti mengupas bawang, cuci beras, potong ayam dan sayur,” kongsinnya.

Pada masa sama Mei Ting kagum melihat rakan-rakan muslimnya yang berpuasa tetapi masih ceria dan bertenaga ketika mengacau bubur lambuk.

“Projek ini sangat bagus dan memberi manfaat kepada penghuni Inasis BSN kerana dapat bubur percuma dan pelajar kaum lain dapat mempelajari adat dan cara masakan muslim sekali gus meningkatkan rasa kasih dan hormat antara satu sama lain.

Sementara itu, Pengetua Inapan Siswa BSN, Nor Azura A.Rahman berkata, program ini sebagai satu pengisian di bulan Ramadan yang dijalankan dengan kerjasama pihak pengurusan, barisan Penolong Pengetua dan Jawatankuasa Kepimpinan Inapan Siswa.

“Persiapan dilakukan di awal pagi diikuti dengan menyediakan bahan-bahan yang melibatkan dua buah periuk besar digunakan untuk memasak bubur lambuk, satu untuk daging dan satu lagi periuk untuk bubur lambuk ayam,” ujarnya.

Jelasnya, proses memasak bermula 9 pagi dan tamat kira-kira jam 1 tengahari melibatkan sebanyak 500 bungkus bubur lambuk diagihkan kepada seluruh warga Inapan Siswa BSN dalam suasana meriah pada jam 3 petang.

Siswi Sarjana Muda Kewangan, Noradibah Abd Malek, 22 program ini menggalakkan pelajar melakukan sunah Rasulullah dan memperkenalkan kepada kaum lain mengenai sunah memberi makan kepada insan yang memerlukan.

Noradibah menyifatkannya sebagai satu simbolik bermulanya bulan Ramadan yang menjadi acara tahunan setiap kali menjelang Ramadan.

“Bila Ramadan tiba, kita pasti teringat nostalgia bubur lambuk memandangkan sudah menjadi tradisi yang diamalkan sejak zaman berzaman di Malaysia.

“Walaupun kita mengacau bubur lambuk dalam keadaan berpuasa namun suasana meriah dengan gelak tawa dan selesai memasak, kami bersama-sama mengagihkan bubur lambuk kepada warga UUM yang teruja menerimanya,” katanya.

Selain itu katanya, peserta berpeluang mempelajari petua untuk menjadikan aroma dan rasa bubur lambuk yang lebih sedap

“Apabila bubur sudah siap dimasak, masukkan hirisan bawang yang baru sahaja ditumis ke dalam bubur lambuk dan gaul sebati, sebelum menutup periuk bubur lambuk dalam masa 3 minit.

“Seterusnya masukkan daun bawang serta daun sup, tinggalkannya dalam masa 3 minit barulah bubur lambuk sedia untuk dibungkuskan,” terangnya.

Noradibah berharap program ini dapat terus dijalankan pada masa akan datang kerana memberi impak yang sangat positif dalam diri individu.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.